

Teks: Noorilham Ismail

Perpustakaan Kongres atau Library of Congress di Independent Avenue Street, Washington D.C. merupakan institusi kerajaan yang melambangkan aktifnya budaya ilmu pengetahuan di Amerika Syarika pada masa ini. Apakah kenyataan itu menunjukkan satu keterlaluan atau ketakjuban pada permulaan tulisan? Ternyata tidak kerana penulis hanya mencuba untuk memberikan gambaran awal kepada pembaca berkenaan dengan isu utama yang bakal dicerakinkan dalam perenggan berikutnya.

Selain penulis, siapakah individu lain yang memperakukan peri pentingnya Perpustakaan Kongres sebagai pusat ilmu? Individu yang dimaksudkan ini ialah Syed Hussein Alatas yang berjaya untuk menghasilkan sebuah karya, iaitu *Corruption: Its*

Nature, Causes, and Functions kesan menggunakan material ilmiah dari gedung ilmu ini. Sebaris demi sebaris, ayuhlah kita menjejak perihal Perpustakaan Kongres dalam menjana budaya ilmu di dalam dan luar negara yang boleh dimanfaatkan bersama-sama.

Perkara utama yang menjadika Perpustakaan Kongres sebagai pencetus kepada budaya ilmu adalah dari segi kapasitinya sebagai temp pengumpulan bahan ilmiah dalam pelbagai bidang. Keberadaannya membolehkan sumber akademik dari seluruh dunia diletakkan dala

PERPUSTAKAAN KONGRES


LAMBANG BUDAYA ILMU

KOTA WASHINGTON





Perpustakaan Kongres wujud sejak Amerika Syarikat mencapai kemerdekaan pada tahun 1776.



rujukan tentang sejarah, geografi, antropologi, kesusasteraan dan keagamaan. Bagi bahan sains dan perniagaan, material ilmiah tersebut ditempatkan di John Adams Building, manakala manuskrip lama pula terletak di James Madison Memorial Building.

Usaha sebegini dapat memudahkan para pengunjung yang ingin menggunakan perkhidmatan

perpustakaan. Hal ini menjadikan proses perolehan bahan lebih cepat, tepat dan mudah. Bagi memastikan hal ehwal keselamatan lebih terjamin, saringan mirip pemeriksaan di lapangan terbang dilakukan setiap kali pengunjung ingin keluar dan masuk ke bangunan perpustakaan.

Para pengunjung di Perpustakaan Kongres dapat menikmati suasana kondusif di ruang bacaan yang bukan sahaja terbahagi mengikut bidang ilmu, malahan dapat dibahagikan kepada benua yang ingin dikaji. Sebagai contohnya, pembaca dapat memilih European Reading

Room untuk bahan tentang Eropah dan Asian Reading Room bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan benua Asia.

Kemasukan ke Perpustakaan Kongres adalah percuma bahkan para penyelidik dibenarkan untuk mengambil gambar sebanyak

mungkin bagi dokumen yang diperlukan untuk kajian tanpa bayaran. Oleh hal yang demikian, pengunjung dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada kerja penyelidikan tanpa perlu memikirkan soal kekangan kewangan untuk kajian.


Secara lazimnya, banyak pihak yang mengatakan bahawa Amerika Syarikat merupakan negara kapitalis dengan matlamat untuk mengaut keuntungan dalam banyak hal. Walaupun begitu, keadaan ternyata berbeza dalam isu perkhidmatan perpustakaan ini berbanding dengan kebanyakan negara lain yang mengenakan cas, terutama ketika penyelidik ingin membuat salinan bahan. Justeru itu, budaya ilmu dapat diaktifkan apabila lahirnya pelbagai penemuan dan pengetahuan baharu kesan penyelidikan di Perpustakaan Kongres.

Dari segi sejarah, Perpustakaan Kongres merupakan sebahagian daripada warisan cinta ilmu pengetahuan yang wujud sejak 13 Koloni di Amerika Syarikat mencapai kemerdekaan daripada jajahan British pada 4 Julai 1776. Nama ketiga-tiga bangunan yang dinyatakan di atas adalah bersempena dengan nama bekas Presiden Amerika Syarikat yang kedua, iaitu John Adams diikuti oleh Thomas Jefferson dan James Madison yang merupakan presiden ketiga serta keempat.

Jefferson misalnya pernah menghadiahkan lebih 6000 naskhah buku milik peribadi untuk mengisi perpustakaan tersebut sebelum kematian beliau pada tahun 1826. Hal ini dilakukan ekoran daripada pembakaran Perpustakaan Kongres oleh tentera British yang menyerang Amerika Syarikat pada 1812. Lantaran itu, budaya

sistem pengumpulan maklumat g efektif kepada sarjana dan para yelidik.

Pengurusan dan penyusunan asi rujukan cukup teratur apabila an berkaitan dengan sains sosial i ilmu kemanusiaan ditempatkan Thomas Jefferson Building bagi



Thomas Jefferson Building.

Perpustakaan Kongres yang berdiri tersergam di Washington D.C. menjadi satu lambang ikonik tentang sebuah negara yang mengutamakan kepentingan ilmu.

menghidupkan perpustakaan dengan aktif diperluaskan dari semasa ke semasa di Amerika Syarikat sejak kurun ke-19 hingga kini.

Tidak hairanlah apabila sebahagian besar daripada presiden yang sudah bersara akan dibangunkan perpustakaan berkaitan dengan diri mereka seperti Perpustakaan John F. Kennedy di Boston, Jimmy Carter di Atlanta, manakala Perpustakaan Ronald Reagan di California dan George Bush Sr. di Texas. Secara tidak langsung, banyak negeri di Amerika Syarikat menjadi tumpuan bagi

para penyelidik serta intelektual dari seluruh dunia, seperti kata pepatah “di mana ada gula, di situ ada semut”.

Perpustakaan Kongres yang berdiri tersergam di Washington D.C. menjadi satu lambang ikonik tentang sebuah negara yang mengutamakan kepentingan ilmu. Ketiga-tiga bangunan ini mencerminkan seni bina bangunan Amerika Syarikat dengan reka bentuk, ukiran patung manusia menunggang kuda di hadapan Thomas Jefferson Building bersama-sama kawasan pancuran air di tengah-tengah sebuah kolam.

Biarpun tidak memasukinya, namun ramai pelancong tidak melepaskan peluang bergambar di hadapan Perpustakaan Kongres yang membuktikan bahawa bangunan ini merupakan satu daripada tarikan di Washington D.C., selain bangunan seperti White House, U.S. Capitol dan Washington Monument. Perkara sedemikian kelihatan senada dengan beberapa tradisi beberapa negara maju di Eropah yang turut mempunyai perpustakaan agam,

seperti Perpustakaan Univer Leiden di Belanda, Deutsche National Bibliothek di Jerman British Library di England.

Khazanah ilmu pengetahuan bukan sahaja tersimpan dan terpelihara dengan baik, ma turut diberikan kebenaran u diakses oleh masyarakat dar dunia. Kesemua kenyataan i memperlihatkan bahawa ke sesebuah negara mahupun masyarakat adalah berkait d kemajuan perpustakaanya

Tidak terhad dengan kur bersifat fizikal, orang ramai boleh mengakses secara dal bagi bahan yang dikehendal Perpustakaan Kongres. Ker terbabit seiring dengan led teknologi mutakhir ini khus pada era revolusi perindustri 4.0 yang berteraskan kecerd buatan. Pelbagai bahan baca telah mengalami proses digi termasuklah al-Quran perib Thomas Jefferson yang diter sekitar hujung kurun ke-18.

Usaha pendigitalan baha di Perpustakaan Kongres in agar perkembangan teknol

fungsi perpustakaan dan minat masyarakat dalam akses ke perpustakaan dari sudut, tindakan perpustakaan dapat ruang penyimpanan Perpustakaan menerima lebih murah setahun. Usaha seperti sediakan hujan, bahkan digital dapat budaya ilmu rentas geografi serta jangkauan

itu, keberadaan Kongres hingga kerana wujudnya dan sifat profesional a berpolitik di Amerika na ada parti Demokrat publikan, kedua-tidak mengabaikan pembangunan serta uikan di perpustakaan kumen pentadbiran ubitkan anggota parti yang sudah ikan tetap tersimpan di un Kongres, sama ada di son Building atau pun angunan. an persaingan politik itu n kalangan ahli politik sama lain, namun

belum ada lagi laporan berita yang menyebutkan penghapusan besar-besaran terhadap dokumen pentadbiran oleh seorang presiden ke atas presiden sebelumnya. Dokumen kontroversi seperti skandal Watergate, dasar luar Amerika Syarikat di Timur Tengah, maklumat tentang Reaganomics dan bahan-bahan berkaitan dengan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929 masih tersimpan untuk bacaan serta penyelidikan.

Lebih menarik apabila para penyelidik masih berpeluang untuk membaca fail yang berstatus tidak diklasifikasikan dengan membuat permohonan khas di bawah kebenaran Akta Kebebasan Maklumat (FOIA). Penulis turut berpeluang untuk merasai keterbukaan budaya ilmu berkenaan dan melakukan prosedur terbabit di sana khususnya bagi mendapatkan dokumen tertentu milik bekas Setiausaha Pertahanan Caspar Weinberger (tahun 1981-1987) di samping Senator Daniel P. Moynihan (tahun 1977-2001) untuk tujuan penyelidikan pengajian ijazah kedoktoran.


Sebagai penutup bicara, dapatlah dirumuskan bahawa Perpustakaan Kongres merupakan satu daripada institusi di

Amerika Syarikat yang berfungsi untuk menjanakan budaya ilmu pengetahuan di negara tersebut. Di samping identitinya sebagai perpustakaan awam, bahkan kewujudannya berupaya untuk berperanan dalam menghimpunkan bahan ilmu seperti perbendaharaan informasi seantero dunia.

Dalam hal ini, apakah yang dapat dipelajari oleh Malaysia secara am dan masyarakat secara khusus berhubung dengan perkara ini? Pihak kerajaan seharusnya dapat membangunkan pelan pembangunan perpustakaan bersepadu tanpa mengira warna politik, manakala rakyat pula mestilah menghidupkan budaya ilmu melalui kutubkhanah tersebut.

Segalanya perlulah berpaksikan kepada peletakan matlamat pembangunan perpustakaan negara yang jelas, pengisian bahan ilmiah melalui perolehan sumber dari seluruh dunia, serta kesediaan untuk menggabungkan program perpustakaan dengan teknologi mengikut peredaran zaman.

Dengan iltizam dan gerak usaha yang berkesan, tentunya perkara ini tidak mustahil dicapai kerana Malaysia mempunyai pelbagai gedung ilmu, seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia. Pada akhirnya, budaya ilmu yang terkait dengan Perpustakaan Kongres dapat diteladani dalam merealisasikan impian Malaysia MADANI pada hari ini untuk manfaat generasi pada masa hadapan. **DB**



James Madison Memorial Building.